

Gagal seludup diesel ke negara jiran

RANTAU PANJANG - Sebuah pacuan empat roda yang diubahsuai di bahagian tangki minyak dirampas ketika cuba menyeludup bahan api bersubsidi di sebuah stesen minyak di pekan Rantau Panjang di sini kelmarin.

Pegawai Pemerintah Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 Kuantan, Superintendan Azhari Nusi berkata, dalam serbuan pada jam 6.28 petang itu, pemandu pacuan empat roda yang sedang leka mengisi minyak bertindak melarikan diri selepas menyedari kehadiran anggota PGA.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut ke atas kenderaan itu membawa kepada penemuan tangki tambahan yang


dipercayai digunakan untuk menyeludup bahan api tersebut ke negara jiran.

"Sebanyak 275 liter minyak diesel bersubsidi ditemui dalam tangki tersebut.

"Rampasan ini memabitkan nilai keseluruhan diesel termasuk kenderaan berjumlah RM10,599.50," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Azhari berkata, hasil soal siasat terhadap pekerja stesen minyak tersebut mendapati terdapat banyak kenderaan yang diubah suai tangki untuk tujuan penyeludupan.

Katanya, ada juga kenderaan yang mengisi minyak lebih daripada sekali untuk diseludup ke Thailand.



Tangki pacuan empat roda yang diubah suai untuk mengisi diesel sebelum diseludup ke Thailand.